



MODEL perniagaan koperasi sekolah kini diperkembangkan meliputi pelbagai jualan barangan.



ANGKASA turut turun padang ke koperasi-koperasi sekolah untuk membantu dan memantau ahlinya.

## 20 PANORAMA Radius

KOSMO! AHAD 11 MAC 2018

# Asah bakat keusahawanan melalui koperasi sekolah

Koperasi sekolah yang diwujudkan sejak 50 tahun lalu terap nilai kepimpinan dan beri pendedahan dalam dunia perniagaan kepada pelajar untuk membina generasi muda yang mempunyai semangat keusahawanan.

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

**“K**OPERASI sekolah mula ditubuhkan pada tahun 1968 hasil cetusan idea Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) yang pertama iaitu Prof. Diraja Ungku Aziz.

Idea tersebut terbit sewaktu kongres kerjasama pertama pada tahun 1966 yang mana beliau mahu pendidikan koperasi diperkenalkan di sekolah.

“Pada masa itu, penubuhan koperasi lebih kepada memberi pendedahan mengenai nilai kepimpinan dan dunia perniagaan kepada pelajar,” jelas Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Mengimbu kembali sejarah awal penubuhan koperasi sekolah di negara ini, menurut Fattah, pada waktu itu, sebanyak sembilan buah koperasi sekolah diwujudkan dan dijadikan sebagai percubaan.

Fattah yang merupakan Presiden Angkasa terkini amat berterima kasih kepada Ungku Aziz yang begitu banyak berjasa terhadap gerakan koperasi di negara ini termasuk usaha mengembangkan koperasi di peringkat sekolah.

Menurut Fattah, antara koperasi sekolah terawal yang ditubuhkan



FATTAH komited dalam menjadikan koperasi sekolah sebagai satu langkah mewujudkan usahawan berjaya dan berjiwa besar dalam kalangan pelajar.

ialah Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abu Bakar Kuantan Bhd., Koperasi SMK Abdul Rahman Talib Kuantan Bhd., Koperasi SMK Sultan Sulaiman Kuala Terengganu Bhd. dan Koperasi SMK Padang Midin Kuala Terengganu Bhd.

Bukan sekadar mendidik pelajar dalam bidang keusahawanan, koperasi sekolah kini berperanan untuk memberi pelbagai faedah dan pulangan kepada warga sekolah melalui keuntungannya.

Bukan itu sahaja, kewujudan

koperasi sekolah juga secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan baharu kepada bekas pelajar dan penduduk setempat.

Disebabkan itu, tidak hairanlah jika selepas 50 tahun penubuhan koperasi sekolah, bilangannya yang ada di negara ini menunjukkan peningkatan apabila sebanyak 2,388 koperasi didaftarkan sehingga 30 Jun tahun lalu.

“Walaupun ia hanya di peringkat sekolah, namun banyak koperasi menunjukkan potensi cemerlang dalam perniagaan hingga

mempunyai perolehan mencecah ratusan ribu dan jutaan ringgit.

“Ini bermakna, koperasi sekolah berkemampuan menjalankan perniagaan dan menjana perolehan sama seperti koperasi lain, biarpun pada masa sama guru-guru dan pelajar sibuk dengan urusan pembelajaran,” jelasnya.

Usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar terutamanya dalam bidang keusahawanan ternyata sangat diambil berat oleh pihak kerajaan. Pemimpin negara terutamanya Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein berusaha meningkatkan kemajuan dalam bidang pelajaran.

### Transformasi perniagaan

Ternyata, bukan mudah bagi koperasi sekolah mengendalikan perniagaan. Disebabkan itu, guru-guru dan pelajar yang terlibat dalam koperasi tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Antaranya kurang kemampuan dari segi modal, ketiadaan promosi dan publisiti mengenai produk, ketiadaan kepelbagaian produk untuk diniagakan dan juga kekurangan tenaga kerja mahir dalam koperasi itu sendiri.

“Justeru, kami di Angkasa selaya upaya membantu mereka melalui kursus-kursus yang dise-

diadakan seperti kursus tadbir urus, kewangan, undang-undang koperasi dan lain-lain lagi.

"Kami juga turun ke lapangan untuk membantu pembangunan perniagaan koperasi sekolah dalam mentransformasikan perniagaan mereka.

"Bukan itu sahaja, kami juga sentiasa memberi sokongan kepada pihak kerajaan supaya membantu dalam gerakan koperasi sekolah melalui sumber kewangan," jelasnya.

Biarpun tidak terlepas daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran, namun menariknya sebanyak lima koperasi sekolah di negara ini berjaya mencapai perolehan sebanyak RM1 juta setiap sebuah pada tahun 2017.

Antaranya ialah Koperasi Sekolah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas Bhd. di Pulau Pinang, MRSM Kubang Pasu Bhd. (Kedah), Kolej Vokasional Tanah Merah Bhd. (Kelantan), MRSM Taiping Bhd. (Perak) dan MRSM Batu Pahat Bhd. (Johor).

"Kami begitu berbangga melihat pencapaian yang berjaya dicapai oleh koperasi-koperasi ini.

"Saya lihat faktor kejayaan kelima-lima koperasi ini berkemungkinan disebabkan oleh kepimpinan Ahli Lembaga Koperasi yang profesional dan berkarisma serta perancangan perniagaan yang sistematik.

"Bukan itu sahaja, kerjasama yang baik dengan agensi-agensi koperasi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Suruhanjaya Koperasi Negara serta Maktab Kerjasama Malaysia juga menyumbang kepada kejayaan tersebut," jelasnya.

#### Peringkat global

Menurut Fattah, pencapaian membanggakan yang digapai oleh koperasi sekolah di negara ini menyebabkan ia dipandang tinggi oleh negara luar.

"Saya sangat kagum dengan pencapaian gerakan koperasi sekolah pada hari ini baik di peringkat domestik mahu pun global.

"Ini kerana model koperasi sekolah yang dipraktikkan di negara ini menjadi contoh kepada negara luar.



URUSAN jual beli didik pelajar dalam dunia keusahawanan.

"Kita dijemput untuk membantu menubuhkan koperasi di sekolah-sekolah di negara mereka. Setakat ini, kita telah membantu menubuhkan lima buah koperasi sekolah di Timor Leste dan yang terbaharu di Kemboja," jelasnya.

Melihatkan kejayaan tersebut, Angkasa menapak satu lagi langkah ke hadapan dengan mengembangkan model perniagaan koperasi sekolah di negara ini.

Jika dahulu, perniagaan di koperasi sekolah hanya melibatkan penjualan makanan dan kelengkapan alat tulis, namun kini koperasi sekolah mula memperkenalkan aktiviti perniagaan berbentuk peruncitan lebih besar.

Antaranya penjualan barangan basah keperluan harian seperti beras, sayur dan tepung di koperasi sekolah untuk bekalan komuniti setempat.

Lebih membanggakan, lebih 10 buah koperasi sekolah kini turut melibatkan diri dalam pengambilalihan pengurusan perniagaan kantin di sekolah masing-masing.

Peluasan bidang peruncitan tersebut menyebabkan pihaknya kini menyasarkan sebanyak 50 sekolah mendapat perolehan sebanyak RM1 juta menjelang tahun 2020.

"Kita mahu dedahkan kepada pelajar tentang budaya dan nilai-nilai murni berkoperasi.

"Koperasi merupakan asas pembentukan jati diri generasi muda dalam bidang keusahawanan. Koperasi boleh dijadikan sebagai salah satu platform awal untuk membina

seorang usahawan sebaik mereka menamatkan pengajian," jelasnya.

Sementara itu, menurut Fattah, bagi menghargai kejayaan koperasi-koperasi sekolah yang telah bertapak lebih 50 tahun di negara ini, Angkasa mengambil kesempatan tersebut untuk meraikan Sambutan Jubli Emas penubuhan Koperasi Sekolah 2018 peringkat kebangsaan.

Fattah menjelaskan dengan adanya majlis pelancaran tersebut, koperasi-koperasi sekolah digalakkan mengadakan pelbagai acara bagi meraikan Jubli Emas Koperasi Sekolah.

Menurut Fattah, sambutan sempena 50 tahun penubuhan koperasi sekolah di Malaysia adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada koperasi sekolah yang telah bertapak lebih daripada setengah abad.

"Sambutan ini bertujuan menghargai sumbangan koperasi sekolah dalam menjadi platform bagi melahirkan pelajar yang mampu berdikari.

"Harapan saya, melalui penglibatan dan pengalaman ini, ia dapat membentuk amalan berjimat cermat, berdikari, demokrasi, kerjasama dan mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan pelajar.

"Angkasa akan sentiasa menerapkan kemahiran dan nilai ini supaya dapat memenuhi aspirasi seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan generasi muda yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani," jelasnya.

#### EKSTRA

##### Koperasi Sekolah

- Ditubuhkan pada tahun 1968 oleh Presiden Angkasa yang pertama, Prof. Diraja Ungku Aziz.
- Bermula dengan penubuhan sembilan buah koperasi sekolah.
- Sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 2,388 koperasi didaftarkan di seluruh negara dengan keanggotaan ahli seramai 1.9 juta.
- Setakat ini, sebanyak lima buah sekolah berjaya mendapatkan perolehan sebanyak RM1 juta.
- Antara program yang dijalankan bagi meningkatkan pembangunan koperasi ialah bengkel kiosk, bengkel produk, bengkel pembangunan perniagaan koperasi sekolah, kursus jati diri kepada pelajar dan guru dan lain-lain lagi.

##### Catatan perolehan

- Sebanyak lima koperasi sekolah berjaya mencapai perolehan sebanyak RM1 juta pada tahun 2017.
- MRSM Kepala Batas Bhd. di Pulau Pinang
- MRSM Kubang Pasu Bhd. (Kedah)
- Kolej Vokasional Tanah Merah Bhd. (Kelantan)
- MRSM Taiping Bhd. (Perak)
- MRSM Batu Pahat Bhd. (Johor)

##### Perintis koperasi sekolah di Malaysia

- Koperasi SMK Sultan Abu Bakar Kuantan Bhd.
- Koperasi SMK Abdul Rahman Talib Kuantan Bhd.
- Koperasi SMK Sultan Sulaiman Kuala Terengganu Bhd.
- Koperasi SMK Padang Midin Kuala Terengganu Bhd.
- Koperasi SMK Zainab Kota Bharu Bhd.
- Koperasi SMK Dr. Burhanuddin Taiping Bhd.
- Koperasi SMK Tengku Changkat Jering Taiping Bhd.
- Koperasi SMK Iskandar Shah Jasin Bhd.
- Koperasi SMK Dato Jaafar Bharu Bhd.

Foto DJOHAN SHAHRIN SHAH DAN EHSAN BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT ANGKASA



FATTAH (tengah) mempelbagaikan perniagaan daripada barangan persekolahan ke peruncitan.